

NO. SOALAN : 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada ketetapan atau cadangan bagi menghalang penganut ajaran sesat Syiah berkahwin dan menyebarkan fahaman mereka melalui kaedah itu dengan umat Islam di Negara kita.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan

akhlak. Ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-Undang Islam. Oleh itu, semua permohonan perkahwinan adalah tertakluk kepada Akta/Enakmen Keluarga Islam Negeri yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK
KUMBONG
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 21.11.2016

SOALAN : 13

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang perancangan bagi membina Panel Solar atau mikrohidro khusus untuk kawasan Rumah Panjang di kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kementerian bersama Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk melaksanakan projek "*Sarawak Alternative Rural Electrification Scheme*" (SARES). Pelaksanaan projek di bawah SARES adalah melibatkan pemasangan panel solar atau mikrohidro secara individu dan berpusat kepada setiap rumah panjang di kawasan pedalaman Sarawak.

Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa bermula pada tahun 2016 dengan pelaksanaan projek SARES secara hidro kepada 58 buah rumah, 1,332 pintu dan melibatkan kos pelaksanaan berjumlah RM70.5 juta.